

# Dr. Mahathir puas hati prestasi timbalannya

UM 1 MAR 2002

SEPANG 28 Feb.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh timbalannya, sepanjang percutian beliau selama kira-kira sebulan di luar negara.

Perdana Menteri berkata, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah melaksanakan tugasnya dengan baik dan sempurna.

Abdullah menjalankan tugas-tugas Perdana Menteri sepanjang percutian Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir berkata, beliau sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di tanah air sepanjang ketiadaannya.

“Positif, timbalan saya menjalankan tugas dengan baik, dia mempekerusikan mesyuarat Kabinet, mesyuarat UMNO dan lain-lain.

“Dia juga tidak pernah menganggu saya, saya cukup gembira, tidak ada panggilan telefon,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita sekembali dari bercuti dan lawatan dari luar negara di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya pandangan beliau dengan prestasi Abdullah semasa memegang tugas Perdana Menteri sepanjang tempoh percutiannya itu.

Menurutnya, beliau gembira kerana negara ini mudah ditadbir kerana mempunyai sistem serta polisi yang ditentukan kerajaan.

Katanya, kemampuan kerajaan itu bergantung kepada semua pihak bukan terhadap seseorang individu ataupun beliau sendiri.

Sementara itu, ketika diwawancara oleh stesen televisyen satelit *Al Jazeera*, Dr. Mahathir

mengulangi janjinya bahawa Abdullah akan mengambil-alih tempatnya apabila beliau meletak jawatan kelak.

“Di Malaysia, peneraju akan diikuti oleh Timbalan Perdana Menteri, kini Abdullah Badawi, beliau adalah timbalan saya.

“Jika saya meletak jawatan, beliau adalah yang akan mengambil-alih tempat saya,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau sendiri tidak tahu mengapa timbul dakwaan bahawa kononnya beliau sering meragui orang di sekelilingnya.

“Saya tidak tahu kenapa mereka berkata demikian,” katanya ketika menjawab soalan pengacara program, Ahmad Mansour bahawa Abdullah sendiri tidak mengetahui adakah beliau akan disingkirkan atau dikekalkan seperti yang dialami oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba, Anwar serta bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Tengku Razaleigh tewas dalam perebutan jawatan Presiden UMNO kepada Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO 1987.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, soal itu tidak timbul kerana Musa membuat keputusan meletak jawatan.

Ghafar dan Tengku Razaleigh pula tidak bersangkut-paut dalam perkara ini.

“Razaleigh cuba bertanding menentang saya tetapi gagal dan meninggalkan Kabinet. Ghafar ialah calon yang dipilih selepas Musa,” katanya.

“Anwar adalah timbalan, tetapi apabila saya lihat beliau melakukan

perkara yang tidak berakhlak dan tidak dapat diterima oleh masyarakat, maka saya tidak ada pilihan melainkan menyingkirkan beliau.

“Selepas itu, beliau dibawa ke mahkamah. Mahkamah menghukum beliau dan mahkamah yang menentukan, bukan saya,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau memang mahu melepaskan jawatan pada 1998 tetapi hasrat itu tersekat kerana berlaku krisis ekonomi.

Tegasnya: “Jika saya lepaskan (jawatan) dalam masalah, ini akan menjadikan keadaan lebih buruk”.

Sementara itu ketika ditanya hasil lawatannya ke Antartika, Dr. Mahathir berkata, Malaysia perlu membabitkan diri di peringkat yang lebih tinggi dalam bidang penyelidikan.

Menurut beliau, ini adalah kerana beliau mendapati tidak terdapat negara-negara membangun yang terbabit dalam menguruskan pentadbiran di benua itu.

“Kita dapati kepentingan negara membangun tidak diberi perhatian (dalam penyelidikan dan pentadbiran) jadi adalah lebih baik kita membabitkan diri.

“Kita tidak mahu melihat orang luar mengeksploitasikan sumber-sumber yang terdapat di benua itu hingga mencemarkan dunia,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan berpendapat tidak harus ada sebarang percubaan oleh mana-mana pihak untuk mengeluarkan minyak, bahan mentah atau lain-lain di benua putih itu.